

**Muhyiddin Lawat Mangsa Serangan Bom Di Hospital Sultanah Bahiyah
Bernama
5 April, 2012**

ALOR SETAR, 5 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dalam rangka lawatan ke negeri ini melawat dua mangsa serangan bom di Hat Yai, Thailand pada 31 Mac lepas di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini, Khamis.

Muhyiddin yang tiba di HSB kira-kira pukul 6.30 petang diiringi oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Kedah Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah dan Pengerusi Kelab Putera 1Malaysia Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim.

Muhyiddin bertemu dengan ahli keluarga mangsa sebelum melawat mangsa Lew Kim Lai, 39, dan isterinya Lim Hock Bee, 37, dari Kuala Kedah di Unit Rawatan Kebakaran hospital itu.

Beliau berada di hospital itu selama 30 minit sebelum pulang ke Kuala Lumpur untuk menamatkan lawatan seharinya di Kedah sejak 8.30 pagi tadi.

Sementara itu, bapa Kim Lai, Lew Fong Khoon, 68, mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri yang prihatin dan meluangkan masa melawat anak dan menantunya walaupun mempunyai jadual pada hari ini.

Beliau berkata anak dan menantunya yang melecur pada bahagian muka, tangan dan kaki kini dalam keadaan stabil dan tidak boleh bercakap buat sementara waktu disebabkan masih menggunakan saluran pernafasan.

Katanya anak lelakinya melecur 40 peratus kerana memakai baju dan seluar pendek manakala menantunya melecur 30 peratus pada bahagian muka dan tangan kerana memakai seluar panjang ketika kejadian tersebut.

Ketika kejadian suami isteri itu dan seorang rakan, salah seorang mangsa yang terbunuh Tan Peng Chan, 39, juga dari Kuala Kedah, baru sahaja selesai membeli belah di tempat kejadian, Lee Garden Plaza dan mahu pulang ke negara ini.

" Kereta dan barangan termasuk dokumen milik anak dan menantu sempat dikirim kepada seorang rakan untuk dibawa pulang ke negara ini sebelum kedua-duanya dimasukkan ke hospital Songkla Nagarind, Hat Yai," katanya ketika ditemui selepas menerima kunjungan Timbalan Perdana Menteri.

Kim Lai dan Hock Bee merupakan antara empat yang dibawa pulang Selasa lalu menerusi misi Kelab Putera 1Malaysia membawa pulang rakyat Malaysia yang cedera dalam pengeboman itu. Dua lagi adalah seorang rakyat Malaysia dan isterinya warga Thailand dari Petaling Jaya yang dibawa ke Hospital Universiti Malaya di Kuala Lumpur.

Dalam kejadian 31 Mac lalu dua rakyat Malaysia maut dalam kejadian kira-kira 1 tengah hari itu manakala 10 pula dimasukkan ke tiga hospital akibat mengalami kesan lecur. Seorang lagi yang maut adalah Low Thian Hock, 46, dari Kulim, Kedah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657338>